

KENYATAAN AKHBAR
YB. DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
MENTERI
KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN

MESYUARAT
MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR

TARIKH : **13 MEI 2016 (JUMAAT)**
MASA : **10.30 PAGI – 12.00 TENGAHARI**
TEMPAT : **BILIK MESYUARAT BERLIAN, ARAS 18**

1. Kerajaan telah meluluskan penubuhan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) ekoran peningkatan bilangan kes-kes kematian akibat kelelahan dan kemalangan di badan-badan/takungan air. Banyak kes kemalangan dan insiden akibat lemas di badan-badan air yang dikawal dan juga yang diluar kawalan berlaku sejak akhir-akhir ini. Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan purata kes kematian akibat lemas setahun bagi tahun 2009 hingga 2013 ialah sebanyak 596 kes. Ini menunjukkan purata dalam setahun nisbah kematian akibat lemas adalah 1.6 kematian setiap hari.
2. Kes mati akibat lemas di seluruh negara menunjukkan *trend* peningkatan yang membimbangkan apabila terdapat 35 kes mati lemas hanya dalam tempoh 26 hari. Statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pula menunjukkan peningkatan kes-kes lemas hampir 700 kes setahun terutamanya di kawasan perkelahan dan rekreasi. Baru-baru ini juga telah dilaporkan seorang pekerja kilang ditemui lemas akibat tergelincir ketika sedang melakukan aktiviti riadah di Jejawi sempena cuti sekolah.
3. Sehubungan itu, MKAA ditubuhkan dengan Misi untuk Menggalakkan Kesedaran Keselamatan Air secara holistik dan komprehensif merangkumi segenap lapisan masyarakat dan tempat. Objektif penubuhan MKAA adalah untuk:

- (i) meningkatkan kesedaran, penyelamatan dan usaha untuk mengurangkan insiden kejadian lemas di rumah, tempat kerja, pengangkutan air dan rekreasi serta mana-mana badan air;
 - (ii) meningkatkan kesedaran dan menggalakkan rakyat mengamalkan budaya selamat ketika menjalankan aktiviti air, sama ada sukan ataupun rekreasi;
 - (iii) memastikan dan menggalakkan reka bentuk seni bina yang sesuai dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan dan peralatan yang diperlukan berkaitan aktiviti air; dan
 - (iv) menyelaraskan pengumpulan data-data bagi kejadian kelemasan air di Malaysia bagi tujuan kajian dan perancangan pelan strategik serta program.
4. Kemalangan yang berlaku di darat atau udara tetapi berakhir di badan air juga menjadi perhatian Majlis ini. Seperti kemalangan kereta yang terbabas lalu terjunam di sungai, kes helikopter yang jatuh akibat kemalangan di muara sungai dan sebagainya. Selain daripada itu, pengangkutan air untuk tujuan pelancongan atau pengangkutan juga ada melibatkan kes kelemasan akibat cuaca buruk.
5. Kita akui bahawa terdapat pelbagai agensi di Malaysia yang terlibat dalam aktiviti keselamatan di air namun tiada penyelarasan antara agensi-agensi tersebut. Antara agensi yang terlibat ialah JBPM (BOMBA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Persatuan Penyelamatan Kelemasan Malaysia (LSSM – *Life Saving Society of Malaysia*), Jabatan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia, pengurus pusat rekreasi air dan pelancongan serta agensi-agensi lain termasuk badan bukan Kerajaan (NGO) dan swasta termasuk individu. Adalah menjadi harapan Kerajaan dengan penubuhan Majlis ini, dapat membantu mengenalpasti punca dan sama-sama berusaha untuk mengurangkan kes-kes tersebut.

6. Sehubungan itu, dalam usaha kita menyediakan Pelan Tindakan di bawah MKAA ini, semua lokasi yang berisiko diambil kira termasuk semua badan air seperti sungai, pantai, pembentungan, tali air, tasik/lombong, air terjun/jeram, kolam renang hotel dan rumah persendirian kerana ada di antara aktiviti tersebut tidak memenuhi aspek keselamatan. **Garis Panduan yang jelas dan lengkap** perlu diwujudkan untuk menggalakkan rakyat mengamalkan budaya selamat ketika terlibat dengan aktiviti air termasuk pengangkutan, sukan dan rekreasi. Dalam aspek ini Majlis akan berusaha untuk menyediakan panduan-panduan ini untuk orang awam dari segi ciri-ciri keselamatan apabila berada di badan-badan air.
7. Sebagai mekanisme yang baharu diwujudkan, MKAA akan bertindak menyelaraskan aktiviti-aktiviti pencegahan melalui kempen, latihan berkaitan keselamatan air bagi tujuan mengurangkan insiden atau kemalangan yang berlaku di badan-badan/takungan air atau akibat kecuaiannya, sikap tidak ambil peduli dan ketidakpatuhan kepada peraturan sedia ada seperti papan tanda dan larangan.
8. Kerajaan Pusat akan membangunkan dasar dan peraturan, manakala Kerajaan Negeri diharapkan akan bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan pengunjung kawasan rekreasi air di negeri masing-masing. Ini boleh dilakukan dengan mewujudkan mekanisme berkaitan aspek pencegahan kemalangan air dan usaha menyelamatkan mangsa.
9. Matlamat mesyuarat pada kali ini adalah bagi menimbang dan bersetuju dengan draf **Pelan Tindakan Keselamatan Aktiviti Air 2016-2020; Amalan Terbaik mengenai Kawalan dan Pengurusan Keselamatan Aktiviti Air di Tasik dan Pantai serta Rangka Kerja untuk Penyelarasan Pengurusan Data dan Maklumat mengenai Kes Kelemasan di Air**. Pembentangan ini merupakan input terhadap Pelan Tindakan dari segala aspek penyediaan Garis Panduan yang mungkin boleh digunapakai oleh PBT-PBT dan agensi-agensi lain.

10. Aspek-aspek yang lain pula seperti data dan maklumat, peraturan dan perundangan, reka bentuk dan kesedaran awam akan dibentangkan dalam mesyuarat yang akan datang. Ini bagi memastikan pendekatan kita dalam MKAA adalah lebih fokus, menyeluruh dan bersepadu.

Sekian, terima kasih.